PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI RABU : 26 NOVEMBER 2014

AWANGAN PERUNDANGAN
ARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.10 HINGGA 49)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

NO SOALAN :10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**
		(KUALA NERUS)
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**26.11.2014**

Y.B. DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan oleh institusi kewangan untuk pemilikan rumah dari tahun 2010 hingga Jun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pinjaman perumahan kepada sektor isi rumah yang diluluskan oleh institusi perbankan dari Januari 2010 hingga Jun 2014 adalah sebanyak RM450.8 bilion. Pada tahun 2010, jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan oleh sistem perbankan adalah sebanyak

RM84.2 bilion. Pada tahun 2011 pula, jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan adalah sebanyak RM95.2 bilion dan RM92.8 bilion pada tahun 2012. Manakala pada tahun 2013, jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan adalah berjumlah RM121.0 bilion. Setakat Ogos 2014, jumlah pinjaman perumahan terkumpul sistem perbankan telah mencapai sehingga RM374.3 bilion.

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status bekalan Internet/Bestarinet untuk kegunaan sekolah-sekolah dan penduduk-penduduk di kawasan pendalaman seperti di Sungai Asap, Bakun, Belaga dan di Baleh, Bahagian Kapit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 726 buah sekolah di Sarawak telah dirangkaikan dengan 1BestariNet iaitu 719 sekolah menggunakan VSAT (2 Mbps) dan tujuh (7) buah sekolah menggunakan teknologi ADSL (dengan capaian 2-4 Mbps). Manakala bagi sekolah-sekolah yang belum dirangkaikan dengan 1BestariNet, sekolah tersebut masih dibekalkan dengan capaian internet interim melalui pembekal perkhidmatan internet (ISP) sedia ada di kawasan masing-masing.

Pada masa ini, hanya sekolah-sekolah di pedalaman Sarawak yang telah dikenal pasti akan menggunakan teknologi VSAT sahaja dirangkaikan. Manakala bagi sekolah-sekolah yang dikenal pasti akan

dirangkaikan dengan capaian jalur lebar minimum 4Mbps akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat, setelah persetujuan dicapai dengan kerajaan negeri berkaitan syarat-syarat pembinaan infrastruktur telekomunikasi.

RJM158

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN ABDUL AZIZ

TARIKH: 26 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah terkini penganggur dikalangan belia.

PR-1323-L63923

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah terkini penganggur di kalangan belia iaitu mereka yang berumur 15 – 40 tahun sehingga suku kedua tahun 2014 (Jun 2014) adalah seramai 365,300 orang. Jumlah penganggur ini adalah terdiri daripada 212,900 orang penganggur lelaki dan 152,400 orang penganggur perempuan.

NO. SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7349

SOALAN:

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat kenderaan dari Singapura yang mempunyai rekod saman di Malaysia daripada masuk semula ke Singapura selagi saman tidak dibayar dan mengenakan VEP kepada kenderaan dari Singapura yang memasuki Malaysia pada kadar yang setara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan belum bercadang untuk menyekat kenderaan Singapura yang mempunyai tunggakan saman daripada memasuki negara ini. Namun begitu bagi mengatasi dan meningkatkan kadar penyelesaian saman kenderaan dari Singapura dan juga pesalah negara luar yang lain, pihak PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

1. **Melaksanakan operasi mengesan kenderaan yang mempunyai nombor pendaftaran asing khususnya di negeri-negeri yang mempunyai sempadan antarabangsa dari semasa ke semasa. Sekiranya pesalah luar negara dikesan dalam operasi seumpama itu, tindakan di bawah Seksyen 24(3) Kanun Prosedur Jenayah akan diambil seperti berikut:-**

   1.1 **Pesalah dibawa balik ke balai dan diserahkan kepada pegawai Polis yang pangkatnya tidak kurang dari Inspektor Polis;**

   1.2 **Pesalah diberi penjelasan mengenai peruntukan undang-undang negara ini khususnya peruntukan seksyen 24(3) Kanun Prosedur Jenayah dan peruntukan dibawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 yang berkaitan;**

1.3 **Bagi kesalahan yang boleh dikompaun, sekiranya pesalah membayar saman, pesalah hendaklah dilepaskan. Sekiranya pesalah tidak menjelaskan saman, pesalah perlu dibebaskan dengan jaminan polis atau terus didakwa di mahkamah; dan**

1.4 **Bagi kesalahan yang tidak boleh dikompaun pesalah hendaklah dibebaskan dengan jaminan polis atau terus didakwa di mahkamah.**

2. **PDRM turut merancang langkah-langkah jangka panjang seperti bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk melaksanakan sistem pangkalan data yang akan menyimpan semua butiran pemandu dan kenderaan asing yang memasuki negara ini. Dengan adanya pangkalan data seumpama ini, maka peruntukan di bawah Seksyen 66J APJ 1987 dapat dilaksanakan dengan berkesan. Peruntukan ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah JPJ atau mana-mana Pegawai Pengangkutan Jalan untuk menghalang kenderaan asing dari masuk atau keluar dari negara ini sekiranya didapati kenderaan itu masih mempunyai perkara-perkara belum selesai berhubung sebarang pelanggaran atau kesalahan terhadap Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.**

3. **PDRM sedang merancang untuk menaiktaraf sistem Trafik COPS (*Compound Online Payment System*) yang menjurus**

kepada penguatkuasaan khusus kepada warga asing yang beroperasi di pintu masuk negara. Menggunakan alat ANPR (*Automated Numbers Plate Recognition*). Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sedang menyediakan satu kaedah khusus untuk menguruskan isu ini termasuk meningkatkan keupayaan Sistem MySIKAP. Ini kerana Seksyen 66J APJ 1987 bagi mengawal kenderaan asing daripada memasuki atau keluar daripada Malaysia telah dimasukkan ke dalam peruntukan undang-undang pada 31 Januari 2011.

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan tindakan Kementerian terhadap kolej perubatan swasta Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS) di Pulau Pinang yang didakwa menghadapi masalah kewangan sehingga tidak dapat membayar gaji staf dan mahasiswa terpaksa belajar dalam serba kekurangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin dan memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh AUCMS yang telah menjejaskan kebajikan dan pengajian pelajar. Susulan kepada beberapa siri mesyuarat yang diadakan dengan semua pihak berkepentingan termasuk badan profesional, penaja serta pelajar dan ibu bapa, Kementerian telah memutuskan untuk menempatkan kesemua pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) lain bagi memastikan penerusan pengajian mereka.

Bagi menyelesaikan isu penempatan pelajar AUCMS yang telah memilih IPTS tertentu yang melebihi kuota yang ditetapkan oleh Majlis

Perubatan Malaysia (MMC), Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2014 telah memutuskan untuk mempertimbangkan kelonggaran kuota oleh IPTS penerima. Kelonggaran kuota ini tertakluk kepada kesediaan IPTS penerima untuk memastikan kemudahan yang mencukupi disediakan dan nisbah tenaga pengajar dengan pelajar adalah pada 1:8.

Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan KPM selaku urus setia telah bersetuju mempertimbangkan permohonan IPTS penerima dengan mengenakan syarat-syarat berikut :

(i) Melaksanakan pemetaan kurikulum secara terperinci; dan

(ii) Menyatakan bilangan penambahan kuota pelajar yang boleh ditampung dengan mengambil kira nisbah tenaga pengajar dengan pelajar pada 1:8 serta kemudahan yang disediakan.

Sebahagian besar pelajar telah memulakan pengajian mereka di IPTS penerima manakala sebahagian lagi masih belum memuktamadkan pemilihan mereka.

RJM159

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**
TARIKH	:	**26.11.2014 (RABU)**

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan **:-**

(a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menempatkan pegawai sepenuh masa di stesen-stesen minyak bagi memastikan pengusaha-pengusaha stesen minyak mematuhi peraturan-peraturan penjualan minyak supaya tidak berlaku penyelewengan penjualan bahan bakar ; dan

(b) berapa banyak lesen penjualan minyak yang dikeluarkan kepada stesen minyak telah ditarik balik sejak 5 tahun kebelakangan ini ekoran menjalankan aktiviti penyelewengan penjualan minyak terutamanya di negeri Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan secara berterusan telah menjalankan sesi *engagement*, perjumpaan, kempen kesedaran dan pemantauan terhadap syarikat-syarikat minyak dan stesen-stesen minyak terutamanya yang mempunyai risiko berlakunya ketirisan atau dikenali sebagai *hotspot*.

Walau bagaimanapun, buat masa ini KPDNKK tidak berhasrat untuk menempatkan pegawai penguatkuasa sepenuh masa di stesen-stesen minyak bagi tujuan memastikan pengusaha-pengusaha stesen mematuhi peraturan-peraturan penjualan minyak. Ketika ini, terdapat lebih dari 3,400 stesen minyak di seluruh negara. Sekiranya hasrat ini dilaksanakan, KPDNKK perlu menempatkan lebih 3,400 orang kakitangan di stesen-stesen minyak bagi tujuan seperti yang dinyatakan. Hasrat ini sukar dilaksanakan memandangkan jumlah kakitangan penguatkuasa sedia ada adalah lebih rendah daripada jumlah stesen minyak yang ada serta tugas hakiki pegawai-pegawai berkenaan bukanlah tertumpu kepada suatu skop sahaja.

Selain daripada inisiatif-inisiatif sedia ada yang telah dilaksanakan, KPDNKK turut memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru sebagai penambahbaikan bagi tujuan membendung aktiviti penyelewengan ini seperti berikut:

i) Penetapan had kuota jualan diesel dan petrol bagi semua stesen di kawasan sempadan;

ii) Kawalan statik oleh penguatkuasa di stesen-stesen yang sering dilaporkan mengalami *stock-out* atau menunjukkan trend jualan yang meragukan;

iii) Menggempur semua *hotspot* penyelewengan bahan petroleum bersubsidi secara berterusan di seluruh Negara melalui Ops Titik; dan

iv) Melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Pasukan Petugas Khas di bawah Jabatan Peguam Negara.

Di samping itu, KPDNKK telah meningkatkan sesi *engagement* bersama pihak syarikat minyak, persatuan pengusaha stesen minyak dan semua pengusaha-pengusaha yang terlibat secara langsung dalam industri hiliran petroleum negara. Bagi tahun 2014, 3 siri perjumpaan Pengurusan Tertinggi Kementerian bersama pengusaha minyak telah diadakan bagi meningkatkan kefahaman pengusaha meliputi aspek-aspek berikut:

i) tatacara pengurusan operasi stesen;
ii) syarat-syarat kebenaran PDA;
iii) pematuhan undang-undang dan akta berkaitan serta aspek penguatkuasaan; dan
iv) peraturan timbang sukat di stesen minyak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi pengusaha stesen minyak yang terlibat menjalankan aktiviti penyelewengan penjualan minyak bersubsidi, pengusaha boleh didakwa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana melanggar syarat lesen dan boleh ditamatkan Kebenaran PDA kerana melanggar syarat

Kebenaran PDA di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974.

Kementerian sememangnya menjalinkan kerjasama erat dengan syarikat minyak bagi menangani penglibatan pengusaha stesen minyak dalam aktiviti penyelewengan bahan petroleum bersubsidi. Kementerian akan membuat pembatalan Kebenaran PDA bagi mana-mana syarikat yang melanggar syarat-syarat Kebenaran PDA yang diberikan dan dibuktikan bersalah di mahkamah. Bagi tahun ini, terdapat 5 syarikat yang sedang dipertimbangkan untuk pembatalan Kebenaran PDA bergantung kepada keputusan rayuan kes yang sedang dipertimbangkan mahkamah.

Secara umumnya, kes-kes pembatalan PDA sejak 5 tahun kebelakangan ini lebih menjurus kepada Kementerian tidak mempertimbangkan pembaharuan Kebenaran PDA syarikat tersebut. Selain itu, syarikat tersebut juga tidak akan mendapat sokongan daripada syarikat minyak disebabkan rekod urusniaga yang tidak aktif dan meragukan.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Dr. Haji Izani bin Haji Husin (Pengkalan Chepa)**
TARIKH	:	**26.11.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**16**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan telah melibatkan agensi-agensi atau institusi agama seperti JAKIM di dalam program-program Kementerian seperti Program Pembangunan Minda Insan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) bertujuan menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan. Matlamat utama pelaksanaan PPMI adalah untuk **membangun, mengerakkan minda** keluarga miskin supaya berubah (*mind set*) dan **membentuk jati diri serta sikap yang positif** ke arah meningkatkan ilmu pendidikan dan kemahiran. Perubahan positif ini akan membantu individu berkenaan dan keluarga mereka untuk berdikari serta berusaha supaya dapat membebaskan diri daripada putaran ganas kemiskinan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penglibatan agensi dan institusi agama dalam pelaksanaan PPMI menggunakan modul antaranya seperti berikut:

i. Mengguna pakai Kurikulum KAFA Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk semua Pusat PPMI; dan

ii. Modul program adalah seperti Kem Asah Fasilitator Harapan (KAFAH), Rehlah, kem Anak Soleh (KASEH), Kursus Kemanisan Iman dan Program Cemerlang Akademik Sahsiah Terpuji.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh pelaksanaan PPMI di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh(RMKe-10), sejumlah 386 projek telah dijalankan dengan seramai 25,043 peserta telah mengikuti program tersebut sehingga Oktober 2014. Dalam pelaksanaan PPMI bagi tahun 2014, sebanyak 65 projek yang melibatkan peserta yang beragama Islam telah dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi, institusi agama atau penceramah /ustaz.

NO. SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan jangka panjang dalam membuat penyusunan semula masyarakat kerana dapat dilihat komposisi penduduk berasaskan demografik dan kaum yang tidak sekata di antara bandar-bandar besar, pinggir bandar dan luar bandar.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada banci penduduk 2010, taburan penduduk yang tinggal di bandar adalah 71.4% manakala selebihnya tinggal di luar bandar. Dalam proses Malaysia ke arah sebuah negara maju, peratusan tersebut dijangka terus meningkat selari dengan kadar urbanisasi. Perkembangan ini tidak dapat dielakkan dan Kerajaan sedar jika tidak dikawal ia boleh meluaskan lagi jurang ketidakseimbangan antara bandar dan luar bandar.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah melalui rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang. Dasar-dasar ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) telah digubal dengan tujuan untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan melalui pertumbuhan ekonomi. Ianya telah diterjemahkan dalam bentuk strategi pembangunan Rancangan Malaysia Lima (5) tahun bagi memastikan komposisi penduduk antara bandar dan luar bandar adalah seimbang.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan melaksanakan pelbagai program bagi menangani isu tersebut. Antara strategi yang dilaksanakan ialah penyediaan peluang-peluang penjanaan pendapatan luar bandar melalui program pembangunan bersepadu seperti agropolitan iaitu projek perladangan berskala

besar, program *21st Century Village* yang memberi penekanan kepada kaedah pertanian moden yang melibatkan *contract farming*, perusahaan dan perniagaan berasaskan sumber pertanian serta program pembangunan ekonomi belia menerusi *Rural Business Challenge*. Di samping itu, pelbagai program pembangunan perkhidmatan sosial seperti bantuan perumahan, perhidmatan kesihatan, pendidikan dan latihan serta kemudahan masyarakat luar bandar yang berkualiti disediakan setanding dengan kemudahan di bandar.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes kebocoran soalan peperiksaan yang berlaku bagi mengikut tempoh perkhidmatan setiap Menteri Pelajaran. Nyatakan tindakan yang telah dikenakan bagi setiap mereka yang terlibat bermula daripada kategori pelajar, ibu bapa, guru, pengawas peperiksaan, kakitangan jabatan pelajaran, syarikat pencetak, kakitangan Kementerian dan Menteri Pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini, pada tahun 1998 (SPM) dan 2004 (STPM) pihak PDRM telah mengesahkan berlaku kebocoran kertas peperiksaan awam. Bagi kes kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dan serta-merta iaitu selain daripada menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi menyiasat kes berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada, KPM juga telah:

i. Menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan

pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;

ii. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

iii. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;

iv. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;

v. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan

vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini daripada berulang.

RJM161

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7246

SOALAN:

DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meluluskan kembali pembinaan IPD baru di Padang Besar memandangkan IPD lama sudah tidak sesuai lagi dari segi keadaan tempat kerja dan keadaan fasiliti serta peralatan kepolisian yang terhad. Begitu juga dengan balai-balai polis di beberapa tempat di Padang Besar perlu dinaiktaraf dengan kadar segera kerana keadaan yang daif dan tidak sesuai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Besar yang dicadangkan di atas tapak 3 lot tanah iaitu Lot 615 dan Lot 616 (tapak IPD sedia ada) dengan luas keseluruhan 6 ekar yang meliputi pembinaan bangunan pentadbiran yang baru serta lain-lain komponen. Manakala bagi pembinaan Kompleks Perumahan Pegawai dan Anggota di IPD Padang Besar, akan dibina di atas Lot 2014 iaitu tapak Unit Kawalan Keselamatan (UKK) sedia ada, seluas 21 ekar. Antara kemudahan yang disediakan adalah elemen teknologi hijau untuk sistem lampu dan hawa dingin. Lapang sasar tertutup dan juga kemudahan lokap yang dilengkapi dengan CCTV. Ibu Pejabat Polis Daerah baru ini akan mempunyai fasiliti moden dan peralatan baru sekiranya diluluskan kelak.

Pembangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Padang Besar yang baru akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11) kepada Pihak EPU.

NO SOALAN :20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN (NIBONG TEBAL)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**26.11.2014**

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci cadangan pengambilalihan pemilikan penuh Penerbangan Malaysia MAS oleh Khazanah Nasional Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keutamaan MAS pada masa ini adalah untuk menumpukan perhatian kepada pelaksanaan

inisiatif sedia ada di bawah pelan perniagaan syarikat dengan sasaran untuk meningkatkan kendalian trafik penumpang yang telah terjejas berikutan insiden MH370 dan MH17 yang lalu. Pelbagai strategi dan pelan jangka pendek telah dirancang dan akan dilaksanakan bagi memulihkan imej syarikat serta meningkatkan semula keyakinan penumpang kepada perkhidmatan MAS. Antara langkah yang dilaksanakan adalah mengaktifkan semula promosi jualan untuk semua sektor termasuk pasaran di China serta menggiatkan kempen pemasaran taktikal di seluruh dunia melalui pakatan perkongsian sedia ada.

Selain itu, MAS terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang serta memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada

penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pemulihan MAS

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja seperti berikut:

1) menubuhkan syarikat baharu bagi menempatkan "MAS Baru", menyahsenarai MAS (syarikat sedia ada) dan penyenaraian semula "MAS Baru". Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam proses penstrukturan semula secara menyeluruh bagi melindungi

kepentingan pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan secara pantas dan berkesan;

2) Menyediakan dana sehingga RM6 bilion untuk penyusunan semula serta pelaburan dan mengurangkan nisbah bersih hutang berbanding dana pemegang saham kepada 120%;

3) Menetapkan semula model perniagaan yang mampan melalui rangkaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada pasaran serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil;

4) Menyatukan operasi teras dan ibu pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);

5) Mengukuhkan jaminan, integriti dan fungsi keselamatan;

6) Mengkaji dan merundingkan semula kontrak bekalan;

7) Memperkukuhkan barisan kepimpinan;

8) Menyesuaikan saiz tenaga kerja, dengan anggaran 14,000 kakitangan di "MAS Baru";

9) Mengukuhkan perhubungan industri dan penjajaran dalaman;

10) Latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;

11) Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama, dan

12) Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan.

Bagi melaksanakan Pelan Pemulihan MAS ini, Khazanah memerlukan

dana sehingga RM6 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat, tertakluk kepada pencapaian syarat-syarat penyusunan semula yang ketat. Antara sasaran yang ditetapkan ke atas MAS adalah seperti penggubalan peraturan kerja dan syarat-syarat pekerjaan berdasarkan penanda aras industri, penyusunan semula proses dan penyelarasan, kajian semula kontrak, penyatuan operasi di KLIA, penubuhan jawatankuasa untuk memudahkan perundingan pekerja, tadbir urus dan etika, kelulusan Pelan Perniagaan, pembangunan sumber manusia dan pengurusan, kajian semula struktur tadbir urus korporat Syarikat dan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kewangan dan operasi untuk pemantauan bulanan bagi memastikan pelaksanaan penstrukturan semula.

Peringkat awal Pelan Pemulihan MAS telah dimulakan dengan proses penyahsenaraian MAS dari Bursa Malaysia dilaksanakan secara *Selected Capital Reduction* (SCR) yang diumumkan oleh Khazanah pada 8 Ogos 2014. Pemegang saham yang berhak akan dibayar balik pada nilai RM0.27 sesaham bagi setiap saham yang dipegang. Keseluruhan transaksi SCR ini dijangka akan dimuktamadkan pada akhir Disember 2014 dan

Khazanah akan menjadi pemegang saham biasa tunggal MAS. Seterusnya kesemua operasi, aset dan liabiliti yang berkaitan akan dipindahkan kepada "MAS Baru" menjelang 1 Julai 2015.

Tempoh peralihan selama 10 bulan akan datang **adalah** daripada syarikat sedia ada kepada "MAS Baru" **yang** akan menyaksikan perubahan besar dari segi barisan kepimpinan akan dilaksanakan secara komprehensif dan teratur. Perubahan ini termasuk mengukuhkan komposisi Lembaga Pengarah, pengurusan atasan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta pengurusan pertengahan "MAS Baru" dengan memanfaatkan bakat kepimpinan terbaik di MAS.

Penghijrahan kepada "MAS Baru" akan melibatkan kajian semula kos keseluruhan syarikat penerbangan tersebut yang dijangka akan menghasilkan struktur kos yang lebih rendah, berikutan struktur operasi dan tenaga kerja akan dilaksanakan berdasarkan amalan dan norma-norma industri yang kompetitif.

Syarikat dijangka mencatatkan keuntungan dalam tempoh 3

tahun dan menjelang tahun 2020 "MAS Baru" dijangka akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh dan boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan semula di Bursa Malaysia, dijual atau diletakkan dalam perkongsian strategik yang mampu menjana pulangan positif.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu Kakitangan MAS

Mengenai pampasan kepada 6,000 kakitangan MAS yang diberhentikan, perkara ini masih belum dimuktamadkan oleh Khazanah dan masih menunggu keputusan program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim-skim lain yang boleh dipertimbangkan untuk memastikan bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Bagi membantu kakitangan yang akan diberhentikan, Khazanah telah menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC)

untuk memberikan sokongan penempatan, selari dengan proses penyusunan semula yang sedang dilaksanakan. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS.

Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi. Khazanah terus komited untuk memastikan bahawa proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri penerbangan adalah salah satu pengganda ekonomi tertinggi iaitu sebanyak 12 kali, berbanding 1 hingga 3 kali yang dicatatkan oleh kebanyakan industri lain. Sebagai contoh, bagi setiap pekerja yang diambil kerja oleh MAS, terdapat empat (4) pekerjaan sokongan lain yang dicipta di pelbagai bidang lain dalam ekonomi. Oleh itu, MAS perlu kekal memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia agar dapat terus menyumbang kepada KDNK negara.

Bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan ini, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek dengan jumlah bayaran kepada perunding dianggarkan berjumlah 1% hingga 2% daripada kos pelaburan keseluruhan sebanyak RM6 bilion.

Dalam menjayakan pelan pemulihan MAS, sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan atau *stakeholders* yang meliputi pengurusan dan kakitangan MAS, Khazanah, Kerajaan, pembekal, kontraktor, institusi kewangan dan rakyat adalah amat penting untuk membina kembali ikon

penerbangan negara.

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad (Lipis) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

(a) Sejauh manakah Program 1AZAM dapat membantu golongan berpendapatan rendah keluar dari kepompong kemiskinan; dan

(b) Adakah program ini akan diteruskan pada masa akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Dalam hal ini, Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas* (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus dipergiat untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan keluarga melalui beberapa bidang seperti berikut:

BIL	BIDANG	AZAM	AGENSI PELAKSANA
1	Perniagaan	Niaga	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); Kerajaan Negeri Sabah; dan Kerajaan Negeri Sarawak.
2	Perkhidmatan	Khidmat	
3	Pertanian	Tani	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kerajaan Negeri Sabah; dan Kerajaan Negeri Sarawak.
4	Pekerjaan	Kerja	Kementerian Sumber Manusia; Kerajaan Negeri Sabah; dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai **163,213 orang peserta** dari tahun 2010 hingga 31 Ogos 2014. Bagi memastikan Program 1AZAM memberikan impak kepada kumpulan sasar, pemantauan secara berterusan dilaksanakan oleh pasukan pemantau di bawah setiap Kementerian dan agensi yang melaksanakan Program 1AZAM. Pemantauan secara intensif oleh pegawai agensi adalah daripada aspek kemajuan perniagaan atau pekerjaan yang diceburi dan permasalahan yang dihadapi. Pemantauan Program 1AZAM yang komprehensif ini telah menampakkan keberkesanannya seperti penjanaan pendapatan tambahan oleh peserta untuk keluarga mereka daripada aktiviti ekonomi yang dijalankan.

Daripada 163,213 orang peserta, seramai **38,772 orang peserta** telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM300.00 sebulan. Hal ini membuktikan bahawa Program 1AZAM mampu membantu golongan berpendapatan rendah untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Sehubungan itu, KPWKM sebagai kementerian peneraju masih akan meneruskan Program 1AZAM di bawah GTP 2.0 iaitu sehingga tahun

2015 bagi memastikan inisiatif ini dapat memberi impak secara berterusan dari segi peningkatan pendapatan golongan berpendapatan rendah selaras dengan konsep kebajikan produktif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN : 22

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dari bermula tarikh kehilangan MH370 hingga September 2014; dan

(b) adakah sehingga kini Kerajaan atau MAS ada membayar apa-apa pampasan kepada keluarga mangsa-mangsa MH370 dan jika ada berapa jumlah pampasannya dan jika tidak ada, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM32,642,167.76** bagi menampung kos operasi mencari dan menyelamat pesawat MH370.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan ahli Yang Berhormat, sehingga kini hanya MAS sahaja yang akan membayar sebarang pampasan kepada keluarga mangsa-mangsa MH370. Jumlah pampasan yang dibayar kepada keluarga mangsa tragedi MH370 akan dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dan pembuktiaan kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang.

Namun begitu, MAS telah menawarkan wang pendahuluan pampasan berjumlah USD50,000 sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan penuh kepada setiap waris/keluarga penumpang MH370. Pembayaran ini dilaksanakan oleh pihak insuran MAS melalui kaedah perpindahan wang kepada akaun bank milik waris/keluarga penumpang selepas kesemua dokumen sokongan yang diperlukan dikemukakan oleh waris/keluarga penumpang.

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HASBOLLAH [LIMBANG]**
TARIKH	:	**26 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Haji Hasbi Bin Haji Hasbollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina kemudahan NICU (Neonate Intensive Care Unit) dan mengganti Pakar Pediatrik yang telah berhenti di Hospital Limbang hinggakan perkakas yang telah dilulus dan telah berada di Hospital Limbang seperti DUOPAP pun dipindah ke Hospital Miri dengan alasan tiada kemudahan dan pakar.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang berhasrat untuk menempatkan pakar pediatrik di semua hospital berpakar termasuk di Hospital Limbang. Perkhidmatan pediatrik di Hospital Limbang pada masa ini diberikan oleh Pegawai Perubatan yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang pediatrik dan juga pakar pelawat dari Hospital Miri secara berkala. Adalah dimaklumkan bahawa pegawai yang berhenti di Hospital Limbang yang dimaksudkan tersebut bukanlah Pakar

Pediatrik tetapi beliau merupakan Pegawai Perubatan terlatih dalam bidang pediatrik.

Pada masa ini, kemudahan NICU hanya disediakan di hospital berpakar tertentu sahaja dengan beban kerja neonatal (bayi kurang daripada sebulan) yang lebih tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**
TARIKH	:	**26 NOVEMBER 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**24**

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pencarian MH370 dan kos operasi mencari dan menyelamat sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini operasi pencarian pesawat MH370 telah memasuki fasa operasi pencarian laut dalam yang diketuai oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) menggunakan kapal *Fugro Discovery, Fugro Equator* dan GO Phoenix. Kapal-kapal tersebut dilengkapi *side scan sonar, synthenic aperture sonar, multi-beam echo sounder* dan *video camera.* Operasi pencarian laut telah dimulakan bermula bulan Oktober 2014 dan akan diteruskan dalam tempoh 12 bulan. Sehingga kini, hanya Malaysia dan Australia yang terlibat dalam operasi pencarian laut dalam.

Bagi operasi pencarian pesawat MH370, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk memperuntukkan peruntukan yang sama dengan peruntukan yang disediakan oleh Australia iaitu berjumlah AUD60 juta untuk membiayai kos perolehan kontrak bagi mendapatkan perkhidmatan dan perlatan daripada syarikat komersial dalam melaksanakan operasi mencari pesawat MH370.

Soalan No : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah soalan-soalan bocor untuk peperiksaan, sepertimana yang telah berlaku terhadap soalan mata pelajaran Sains dan Bahasa Inggeris bagi peperiksaan UPSR baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dan serta-merta bagi menangani kes kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014. Selain daripada menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi menyiasat kes berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada, KPM juga telah:

i. Penubuhan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi

Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;

ii. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

iii. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;

iv. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;

v. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan

vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis*

Management) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini dari berulang.

RJM154

Soalan No : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil siasatan atas kebocoran soalan peperiksaan UPSR tahun ini. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan agar perkara berikut tidak akan berulang lagi pada masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada kepada individu-individu yang telah didakwa oleh mahkamah berhubung kebocoran soalan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014. Selain daripada itu, KPM juga telah.

i. Menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini

dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;

ii. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

iii. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;

iv. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;

v. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan

vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan

bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini dari berulang.

RJM156

NO SOALAN :27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN (BATU SAPI)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**26.11.2014**

Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana memulihkan Sistem Penerbangan Malaysia daripada segi kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebahagian daripada syarat penyusunan semula dan pembayaran pembiayaan bersekutu, MAS perlu menyediakan satu struktur modal yang mudah

untuk diuruskan dari masa ke semasa. Di mana sesuai dan perlu, MAS akan mengkaji pilihan untuk menyusun semula kewangan dan perundingan termasuk pertukaran hutang-ekuiti dan hutang *term out*. Usaha-usaha ini akan mengurangkan *gearing* bersih (hutang bersih atas dana pemegang saham) daripada 290 peratus pada masa ini kepada sasaran kira-kira 100-125 peratus.

Soalan No : 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai IPTA yang komited terhadap wakaf pendidikan dan langkah-langkah Kementerian dalam menjayakan wakaf pendidikan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah mewujudkan dana wakaf adalah:

i. **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

Dana Wakaf UKM yang ditubuhkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor dan CIMB Islamic adalah bertujuan untuk membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan dalam membiayai yuran pengajian dan kos sara hidup.

ii. Universiti Putra Malaysia (UPM)

Dana Wakaf Ilmu UPM ditubuhkan bagi membantu penyediaan kemudahan dan prasarana untuk pelbagai aktiviti keilmuan, termasuklah program pengajaran dan pembelajaran, dakwah dan pengimarahan, penyelidikan dan inovasi, serta khidmat komuniti yang menjadi teras universiti.

iii. Universiti Malaya (UM)

Dana Yayasan Persatuan Alumni UM diwujudkan bagi memberikan biasiswa bagi pelajar-pelajar UM yang berkelayakan.

Selaras dengan pelaksanaan autonomi oleh beberapa buah IPTA, dana wakaf dilihat sebagai salah satu daripada punca pendapatan dalaman universiti. Salah satu aspek autonomi yang diberikan kepada universiti adalah penjanaan pendapatan sendiri. Oleh yang demikian, universiti diberi kelonggaran untuk membelanjakan dana dan peruntukan tanpa terikat dengan prosedur kewangan yang ditetapkan oleh agensi pusat. Kebebasan dalam perbelanjaan ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada kelestarian pembangunan akademik dan pembudayaan ilmu di universiti, malahan juga dapat memberi galakan kepada setiap universiti yang terlibat untuk menjayakan dana wakaf universiti masing-masing.

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MASIR KUJAT
[SRI AMAN]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil ke atas pesalah selepas ianya dikenal pasti pihak yang menembak jatuh Pesawat MH17 di Ukraine baru-baru ini.

JAWAPAN: **YB HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tindakan untuk menuntut keadilan atas tragedi pesawat MH17 sedang diambil secara bersesama (*jointly*) dengan pihak berkuasa negara lain yang mempunyai mangsa di atas pesawat MH17 itu. Dalam hal ini adalah penting untuk memastikan siasatan yang adil dan bebas dijalankan.

2. Sekiranya pihak yang bertanggungjawab dapat dikesan dan ditangkap, pendakwaan akan dijalankan dan penentuan tempat bagi perbicaraan bergantung sepenuhnya kepada tempat yang paling mudah (*forum of convenience*) untuk pendakwaan dijalankan. Isu tersebut masih terbuka untuk perbincangan dan hanya akan diputuskan setelah semua keterangan dikumpul dan dianalisis.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) hasil laporan jawatankuasa siasatan ke atas kebocoran kertas peperiksaan SPM 2013; dan

(b) status penyediaan kertas peperiksaan alternatif bagi peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan STPM dalam mengelakkan penangguhan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhomat, tiada kebocoran kertas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013.

b) Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menyediakan set soalan alternatif secara bercetak kerana melibatkan kos yang besar. Walau bagaimanapun, set soalan kedua telah disediakan mengikut prosedur penggubalan kertas soalan sedia ada dan boleh digunakan sekiranya berlaku sebarang insiden pada set

soalan yang pertama. Namun demikian, set soalan kedua perlu melalui proses pencetakan, pengedaran, logistik dan pentadbiran yang mengambil masa tidak kurang dari dua (2) minggu dan melibatkan kos tertentu.

RJM155

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**: LISAN**
DARIPADA	**: YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]**
TARIKH	**: 26 NOVEMBER 2014**
SOALAN	**:**

YB Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendekatan yang diambil untuk membendung penularan virus Ebola ke negara ini, termasuk kesiapsiagaan Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan yang berfungsi memantau situasi penyakit ini dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit virus Ebola (*Ebola virus disease*; EVD) adalah penyakit serius dengan kadar kematian yang tinggi. Penyakit ini boleh menjangkiti manusia dan juga haiwan, seperti kelawar dan monyet. EVD kali pertama dikesan dalam kalangan manusia pada tahun 1976 di Republik Demokratik Congo dan Sudan. Pada ketika ini, suatu kejadian wabak sedang berlaku, melibatkan 4 buah negara di Afrika Barat, iaitu Guinea, Sierra Leone, Liberia, Senegal dan Nigeria yang bermula semenjak Mac 2014. Sehingga 22 September 2014, sejumlah 5,864 kes EVD (meliputi kes *suspected, probable* dan *confirmed*) dengan 2,811 kematian telah

dilaporkan oleh negara-negara yang terlibat kepada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di Malaysia, EVD adalah salah satu penyakit yang perlu dinotifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Sekiranya ada kes yang disyaki sebagai jangkitan penyakit Ebola di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah pun memperkukuhkan langkah kesiapsiagaan bagi menghadapi jangkitannya menerusi tindakan dan langkah-langkah berikut:

a) Pasukan Kesihatan yang bertugas di Pintu Masuk Antarabangsa Negara bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi berkaitan di peringkat tersebut bagi mengesan pelawat yang tiba dari negara terjejas dan menunjukkan sebarang gejala jangkitan. Ia dilaksanakan melalui pengukuhan sistem saringan kesihatan sediaada bagi penyakit *Yellow Fever*. Begitu juga, Kad Amaran Kesihatan (*Health Alert Card*) bagi EVD diedarkan kepada para pelawat yang tiba dari negara-negara berkenaan. Ia antara lain memberikan penekanan mengenai gejala jangkitan yang perlu diawasi dalam tempoh 21 hari selepas tiba di Malaysia dan mengingatkan mereka kepentingan untuk memaklumkan mengenai sejarah perjalanan dari negara yang terlibat kepada doktor yang merawat;

b) KKM mengambil maklum mengenai kewujudan sebilangan kecil rakyat Malaysia yang bekerja di negara-negara terjejas dalam pelbagai sektor perkhidmatan. Sehubungan itu, hebahan nasihat kesihatan berkaitan EVD kepada golongan ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Kementerian Luar Negeri melalui

Kedutaan Besar Malaysia di negara-negara yang terlibat. Sekiranya mereka pulang ke Malaysia, butiran mengenai kepulangan mereka akan dikongsikan dengan Pasukan Kesihatan yang bertugas di Pintu Masuk Antarabangsa Negara;

c) Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di Malaysia mempunyai kemasukan para pelajar antarabangsa dari negara Afrika dan ini meliputi negara-negara Afrika Barat yang terjejas dengan wabak EVD. Mengikut data yang dikongsikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat sejumlah lebih 7,000 pelajar dari Guinea, Liberia, Nigeria dan Sierra Leone yang kini sedang berada di IPTA mahupun IPTS seluruh negara. Kebanyakan daripadanya, iaitu sekitar 75% adalah merupakan pelajar di IPTS. Justeru, kerjasama diperolehi dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui IPTA / IPTS untuk menjalankan pemantuan yang sewajarnya terhadap golongan pelajar tersebut. Begitu juga dengan hebahan nasihat kesihatan berkaitan EVD khususnya dalam kalangan para pelajar kemasukan baru dan pelajar dengan sejarah pulang ke negara asal dalam lingkungan 21 hari sebelumnya;

d) National *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) menjalankan pemantauan perkembangan status kejadian EVD di Afrika Barat dan menyelaras kesiapsiagaan dan respon KKM bagi menghadapi potensi penularan penyakit EVD;

e) Hebahan maklumat berkaitan jangkitan EVD dan langkah-langkah pencegahan serta kawalan infeksi yang sewajarnya diberikan penekanan kepada anggota kesihatan di semua peringkat

termasuk di Pintu Masuk Antarabangsa Negara. Adalah amat penting anggota-anggota kesihatan yang terlibat di dalam pengurusan pesakit seperti di Klinik Kesihatan, di hospital terutama kepada anggota di Jabatan Kecemasan, Wad Perubatan, Wad Pediatrik, Unit Rawatan Rapi, Jabatan Forensik dan makmal mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan yang optimum pada setiap masa. Begitu juga, dengan anggota perkhidmatan sokongan bukan klinikal;

f) Memberi penekanan kepada anggota di semua peringkat termasuk di Pintu Masuk Antarabangsa Negara berkaitan pengurusan kes yang disyaki dijangkiti dengan menggunakan tatacara sebagaimana yang disarankan, meliputi proses pelaporan / notifikasi melalui saluran yang telah dikenalpasti dengan kadar segera secara serentak kepada pihak *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, Jabatan Kesihatan Negeri yang terlibat dan Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran;

g) Bersiap sedia dengan *Rapid Response Team* (RRT) dan *Rapid Assessment Team* (RAT) di peringkat daerah yang akan diaktifkan sekiranya terdapat pemakluman kes yang disyaki EVD, yang mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan yang optimum pada setiap masa semasa menjalankan siasatan kes dan kontak di lapangan. Bagi tujuan siasatan EVD, satu pasukan telah dikenalpasti dan dibentuk di peringkat daerah;

h) Sebarang proses rujukan dan pemindahan pesakit yang disyaki dari mana-mana fasiliti kesihatan ke hospital dikenalpasti akan

menggunakan *designated ambulance* dan proses *disinfection* akan dilakukan di hospital yang menerima kes ini;

i) Saringan pesakit di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan hospital telah diperkukuhkan bagi memastikan kes-kes yang disyaki akan dirujuk dan dikendalikan dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan;

j) Pengkhususan bagi pengurusan pesakit disyaki dijangkiti EVD meliputi rawatan di wad pengasingan di hospital Kerajaan dengan kemudahan yang diperlukan untuk memastikan risiko penularan wabak dalam kalangan anggota kesihatan yang merawat adalah terkawal;

k) Kemudahan unit rawatan rapi turut dipertingkatkan dari segi pengurusan pesakit, rawatan dan kawalan jangkitan;

l) Makmal di hospital-hospital Kerajaan dikenalpasti akan melakukan ujian-ujian makmal rutin bagi pesakit yang disyaki dijangkiti EVD dengan memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi dipatuhi, manakala sampel klinikal bagi ujian pengesanan EVD perlu dihantar samada ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) atau Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) Sungai Buloh, Selangor sebagaimana ketetapan yang telah diputuskan; dan

m) Penggunaan *personal protective equipment (PPE)* bagi semua anggota kesihatan yang terlibat diberikan penekanan dan *stockpile*

bagi menghadapi wabak adalah dipastikan mencukupi untuk menampung keperluan di fasilti kesihatan masing-masing.

Selain pelbagai aktiviti kesiapsiagaan yang dilaksanakan oleh pihak KKM bagi menangani isu ini, pendekatan *multi-sectoral* juga digunapakai. Ini melibatkan kerjasama rapat antara pihak KKM dengan pelbagai agensi lain yang berkaitan, di mana mereka juga perlu memainkan peranan masing-masing dalam mencegah kemungkinan jangkitan dan penularan EVD di Malaysia.

Mengambilkira musim haji yang sedang berlangsung juga, aktiviti komunikasi risiko berhubung isu ini telah diperkukuhkan di dalam masyarakat bagi menangani persoalan yang mungkin diajukan berkenaan risiko jangkitan EVD kepada jemaah haji Malaysia semasa berada di Tanah Suci. Ini dilaksanakan melalui kerjasama rapat yang telah sedia wujud di antara KKM dan Lembaga Tabung Haji Malaysia.

Pihak KKM sentiasa memantau perkembangan terkini kejadian EVD dan juga status polisi / tatacara yang dikeluarkan oleh pihak WHO yang berkaitan dengan jangkitan EVD. Maklumat berkaitan EVD boleh diperolehi di halaman utama laman web KKM (url: https//www.moh.gov.my) di ruangan 'Info Kesihatan' dan facebook CPRC (url: https//www.facebook.com/kkmcprc).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANAN a/l GOWINDASAMY
[KAPAR - KEADILAN]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 32)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penilaian prestasi (post mortem) terhadap atlet-atlet negara dalam Sukan Komanwel ke-20 di Glasgow, memandangkan Malaysia gagal untuk mencapai matlamat tujuh emas yang ditetapkan. Nyatakan juga bilangan peserta atlet dan rombongan delegasi serta jumlah perbelanjaan para atlet dan rombongan delegasi Malaysia sepanjang berlansungannya Sukan Komanwel.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kontinjen negara yang telah menyertai temasya Sukan Komanwel Glasgow 2014 yang lalu adalah seramai 269 orang. Mereka terdiri daripada :

   i. 179 atlet (104 lelaki; 75 wanita)
   ii. 72 pegawai pasukan (58 lelaki; 14 wanita)
   iii. 9 pegawai perubatan dan sains sukan (6 lelaki; 3 wanita)
   iv. 9 pegawai sekretariat (7 lelaki; 2 wanita).

2. Sukan Komanwel Glasgow 2014 mempertandingkan sebanyak 261 acara yang menawarkan 261 pingat emas keseluruhannya. Kontinjen negara telah mensasarkan sebanyak **7 pingat emas** daripada 130 acara yang disertai. Secara keseluruhannya kontinjen negara telah memenangi **6** pingat emas, **7** pingat perak dan **6** pingat gangsa.

3. Pencapaian sasaran sukan-sukan terlibat adalah seperti berikut:

   i. Angkat Berat

   Mencapai sasaran 1 emas melalui Mohd Hafifi Mansor (69kg).

   ii. Badminton

   Mencapai sasaran 3 emas melalui acara Berpasukan Campuran, Tan Wee Kiong dan Goh Wei Shem (Bergu

Lelaki) serta Vivian Hoo Kah Mun dan Woon Keh Wei (bergu wanita).

iii. Skuasy

Mencapai sasaran 1 emas melalui Dato' Nicol David (perseorangan wanita).

iv. Terjun

Mencapai sasaran 1 emas melalui Ooi Tze Liang (3m Springboard.

v. Berbasikal Trek

Gagal mencapai sasaran 1 emas apabila Azizul Hasni Awang (Keirin) hanya memenangi pingat gangsa.

vi. Lawn Bowls

Gagal mencapai sasaran 1 emas apabila 'Men Pairs' dan 'Women Fours' hanya memenangi 2 pingat perak.

4. Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk menghantar Kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel Glassgow 2014 adalah berjumlah **RM1,956,650.00**. Perbelanjaan tersebut meliputi perkara-perkara berikut :-

i.	Tambang Kapal Terbang	- RM1,640,900.00
ii.	Blazer Suit	- RM 201,750.00
iii.	Baju Melayu untuk Perbarisan	- RM 54,000.00
iv.	Lebihan bagasi	- RM 60,000.00

Manakala pakaian 'Track-suit' dan 'T-shirt' Harimau jenama Yonex ditaja oleh Sunrise & Co. (Pte) Ltd dan kasut sukan jenama Power ditaja oleh BATA (M) Sdn Bhd.

5. Mesyuarat Penilaian Prestasi (Post Mortem) telah diadakan pada 12 Ogos 2014 (Selasa) di Dewan Komanwel, Majlis Sukan Negara dan dipengerusikan sendiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Dalam mesyuarat tersebut, YB Menteri telah mengambil maklum tentang pelaporan dan pandangan yang diberikan oleh wakil-wakil daripada Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia dan empatbelas (14) Persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat ke Sukan Komanwel Glasgow 2014.

6. Kesemua persatuan sukan kebangsaan terbabit diwajibkan untuk menyediakan laporan pelaksanaan Program Elit 2011-2014 termasuk laporan oleh Chef de Mission dan Pemimpin Pasukan (Team Leader) dalam tempoh 7 hari untuk dihantar ke pejabat YB Menteri. Cadangan dari Mesyuarat 'Post Mortem' sedang dinilai untuk dilaksanakan pada temasya akan datang.

7. Bagi mempertingkatkan prestasi atlet, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa mewujudkan program jangka panjang di **peringkat atlet elit** dan **atlet pelapis** dengan mengadakan program latihan berpandukan **Pelan Periodisasi Latihan** yang dirangka secara bersama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan jurulatih-jurulatih setiap tahun. Program ini merangkumi aspek-aspek latihan pendedahan luar negara dan program tindik (*attachment*), pertandingan dalam dan luar negara, kem-kem tahunan dan latihan pusat mengikut sukan, kem motivasi, latihan pusat akhir dan juga penerapan komponen latihan

sains dan perubatan sukan. Kementerian turut menyediakan insentif-insentif seperti elaun latihan, biasiswa sukan, program pendidikan dan skim hadiah kemenangan bagi memberi galakan kepada atlet-atlet ini yang menjadikan sukan sebagai satu kerjaya untuk mencapai kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN WONG CHEN (KELANA JAYA)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**26.11.2014**

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jika Kementerian bersetuju dengan pandangan yang terkandung di dalam buku Capital in the 21st Century oleh Thomas Piketty dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkenalkan Capital Gains Tax dalam perdagangan saham dan adakah terdapat usaha untuk memperkenalkan duti harta pusaka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cukai keuntungan modal atau *capital gains tax* (CGT) di Malaysia merupakan satu bentuk cukai yang boleh dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh hasil dari penjualan atau pelupusan harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah. Secara perbandingan, bagi negara yang telah melaksanakan CGT, cukai lazimnya dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh daripada penjualan saham, bon, logam berharga dan harta tanah. Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh daripada pelupusan harta tanah atau saham bagi syarikat harta tanah adalah bertujuan untuk menangani aktiviti spekulasi hartanah. Langkah mengenakan CKHT adalah perlu untuk memastikan pasaran dan pembangunan hartanah berjalan lancar dan seiring dengan pembangunan ekonomi yang mampu berdaya saing dalam jangka panjang.

NO SOALAN :34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG (WANGSA MAJU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**26.11.2014**

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah produk diesel dan petrol akan dikenakan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pembentangan Bajet 2015, Kerajaan bersetuju supaya jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG diberikan pelepasan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Melalui langkah ini, pengguna dan kumpulan sasaran yang berkenaan

tidak perlu membayar GST bagi pembelian petrol RON95, diesel dan LPG.

NO. SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah bilangan dan gaji kakitangan Kerajaan yang bekerja di Jabatan Perdana Menteri mengikut kategori, portfolio masing-masing serta jumlah peruntukan Kerajaan untuk Kementerian Jabatan Perdana Menteri.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perjawatan di Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2014 adalah sebanyak 51,123 jawatan. Pecahan jumlah perjawatan mengikut kategori adalah seperti berikut:

[redacted]	[redacted]
Anggota Pentadbiran dan Lantikan Perundangan	47
Pengurusan Tertinggi	506
Pengurusan dan Profesional	10,805
Pelaksana	39,765
[redacted]	[redacted]

Jumlah peruntukan Jabatan Perdana Menteri untuk pembayaran gaji bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM8,971,653,000.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan taburan guru-guru bahasa Inggeris disekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Kelantan, mengikut pecahan jabatan pelajaran daerah (PPD) bagi tahun 2013 dan 2014 bagi butiran berikut:-

(a) bilangan Terhak, bilangan yang ada dan Peratusan kekosongan; dan

(b) apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Data semasa guru yang mengajar Bahasa Inggeris sekolah rendah di Kelantan adalah seramai **1620** orang, manakala seramai **761** orang guru Bahasa Inggeris mengajar di sekolah menengah. Peratus kekosongan guru opsyen Bahasa Inggeris di seluruh negeri Kelantan adalah 13.4 peratus bagi sekolah rendah dan 5.9 peratus sekolah menengah.

(b) Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan bagi mengatasi kekurangan guru Bahasa Inggeris ialah:

i. Sentiasa menyemak dan mengadakan verifikasi data kedudukan guru bagi memastikan taburan guru ke daerah dan sekolah dilaksanakan secara adil.

ii. Melaksanakan *redeployment* antara daerah dan dalam daerah bertujuan mengisi kekosongan keperluan guru di sekolah dipenuhi.

iii. Mengenalpasti guru untuk dilatih semula melalui Program Tambah Opsyen (PITO) bagi memastikan Guru yang bukan Opsyen Bahasa Inggeris tetapi telah mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran tersebut melebihi empat (4) tahun yang membolehkan guru tersebut menambah opsyen dalam "Program Penjajaran Jadual Waktu PITO"

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [Machang]**
TARIKH	:	**26.11.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**37**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pihak Kementerian telah mengeluarkan kenyataan ingin mewujudkan Desa Abad 21, sejauh manakah perkembangan mahupun kejayaan yang telah dicapai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0 Desa Abad ke -21 *(Government Transformation Programme* (GTP) 2.0 – *21st Century Village)*, terdapat tiga (3) program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) iaitu:

1. *Private Sector Driven* – Projek Ladang Buah/ Sayur Berskala Besar;
2. *Cooperative Driven* – Program Desa Lestari; dan
3. *Youth Entrepreneur Driven* – Rural Business Challenge (RBC)

Projek Ladang Buah/Sayur Berskala Besar

Sehingga kini, sebanyak dua (2) projek di bawah Projek Ladang Buah/Sayur Berskala Besar telah dilaksanakan iaitu di **Projek Ladang Komersial Berskala Besar Agropolitan Chemomoi, Bentong Pahang** dan **Projek Tanaman Nanas di kawasan Pertanian Tuan Seh Sedili Kecil, Kota Tinggi, Johor.**

Projek Ladang Komersial Berskala Besar Agropolitan Chemomoi, Bentong Pahang adalah dipantau oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan syarikat peneraju projek adalah Syarikat Exotic Star Sdn

Bhd yang menanam tanaman betik sekaki dan eksotika di kawasan seluas 200 ekar. Setakat 8 September 2014, fasa satu dan dua seluas 35 ekar telah dituai buah betik sebanyak 65,459 kilogram untuk pasaran dalam Negara. Syarikat juga telah menggaji seramai lima (5) orang pekerja tempatan untuk bekerja di ladang.

Projek Tanaman Nanas di Kawasan Pertanian Tuan Seh Sedili Kecil, Kota Tinggi , Johor pula adalah dipantau oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan syarikat peneraju projek adalah Syarikat Ergobumi Sdn Bhd yang menanam tanaman nanas MD2 di kawasan seluas 300 ekar. Setakat 23 Oktober 2014, tanaman fasa satu seluas 20 ekar telah dituai buah nanas sebanyak 80 tan dan sebanyak 20 tan juga akan mula dieksport ke Korea Selatan pada penghujung Oktober 2014. Syarikat juga telah menggaji seramai (4) orang pekerja tempatan untuk bekerja di ladang.

Program Desa Lestari

Program Desa Lestari (PDL) dilaksanakan bertujuan untuk menjadikan kawasan luar bandar maju, menarik dan menguntungkan untuk didiami. Sebanyak 42 buah kampung telah dipilih pada tahun 2013 dan 2014 dengan peruntukan yang diluluskan berdasarkan kepada cadangan projek ekonomi yang telah dibentang kepada KKLW.

Antara projek-projek ekonomi yang telah diluluskan adalah **Projek Ternakan Lebah Kelulut yang telah**

dilaksanakan menerusi platform koperasi dan menjana pendapatan sekitar RM500 hingga RM4,000 sebulan. Selain itu, KKLW turut menyediakan peruntukan untuk menaik taraf dan membina prasarana-prasarana pelancongan sedia ada kepada kampung-kampung yang terlibat dalam aktiviti sewaan ***homestay*** **dan kampung *stay* yang berjaya menjana pendapatan bulanan yang konsisten antara RM500 hingga RM10,000 sebulan.** Disamping itu, kampung juga diberikan bantuan untuk menjalankan **aktiviti pertanian dan peruncitan dengan pulangan pendapatan mencecah antara RM8,000 hingga RM100,000 sebulan.**

Sejak PDL dilaksanakan pada tahun 2013, lebih **300 peluang pekerjaan telah berjaya diisi**, yang mana sejumlah besarnya adalah dipelopori oleh golongan belia kampung.

Rural Business Challenge (RBC)

Program RBC pula merupakan program yang berorientasikan keusahawanan menggunakan pendekatan pertandingan Rancangan Perniagaan (RP) bagi mencungkil bakat usahawan sebenar dalam kalangan belia untuk merealisasikan perancangan perniagaan kepada projek perniagaan di kawasan luar bandar.

Semenjak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menganjurkan Program RBC bermula tahun

2012, seramai **31 orang pemenang telah dipilih dan dianugerahkan dengan geran perniagaan keseluruhannya berjumlah RM26.15 juta**. Berikutan itu juga hampir 400 peluang pekerjaan baru sama ada secara langsung mahupun tidak langsung berjaya diwujudkan terutamanya kepada belia luar bandar dengan jumlah **pendapatan bulanan sebanyak RM700 hingga RM2,500 sebulan**. Di samping itu, **lebih 50 orang usahawan baru telah diwujudkan melalui pemenang-pemenang RBC ini**. Hal ini telah dapat membantu Kerajaan untuk menangani masalah pengangguran di luar bandar.

SOALAN NO: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK LIANG TECK MENG

TARIKH: 26 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan keperluan tenaga di pasaran dapat dipenuhi dengan optimum dan mengelakkan masalah lambakan pengangguran graduan dalam suatu bidang khusus seperti guru atau jururawat.

PR-1323-L63822

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Perancangan tenaga manusia adalah penting bagi memastikan keperluan tenaga di pasaran dapat dipenuhi dengan optimum. Bagi sektor swasta, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah menjalankan kajiselidik pengesanan graduan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) (tracer study) bagi mengesan dan mengukur tahap kebolehkerjaan graduan, mengenalpasti kualiti graduan dari segi perkembangan kerjaya dan impak graduan kepada sektor ekonomi. Hasil dari kajian ini, pada

Majlis Konvokesyen tahun 2013, daripada jumlah graduan seramai 5,570 didapati 83% graduan telah menerima tawaran, mendapat pekerjaan dan menyambung pelajaran. Manakala, hanya 17% graduan sahaja yang belum menerima tawaran kerja selepas 6 bulan dari tempoh konvokesyen.

2. Peratus kebolehkerjaan mengikut bidang pada tahun 2013 adalah 81.11 % telah bekerja mengikut bidang mereka manakala 18.9 % bekerja di luar bidang kemahiran mereka. Didapati, Kursus Sijil Penyelenggaraan Kapal Terbang (Mekanikal), Diploma Lanjutan Teknologi Kejuruteraan Mekatronik, Diploma Lanjutan Teknologi Kejuruteraan Elektronik, Diploma Lanjutan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan, Diploma Lajutan Teknologi Pengeluaran dan Diploma Teknologi Penyejukbekuan & Penyamanan Udara menunjukkan peratusan tertinggi bekerja iaitu sebanyak 100%.

3. Hasil kajian ini dapat membantu ILJTM untuk membuat penilaian tentang keberkesanan latihan kemahiran dan seterusnya membuat perancangan ke arah peningkatan kualiti graduan latihan kemahiran bagi mengelakkan masalah lambakan graduan yang tidak memenuhi permintaan dan pasaran pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Bagi sektor awam, perkhidmatan awam mempunyai jumlah penjawat awam yang mencukupi dan mempunyai kompetensi yang bersesuaian dan memenuhi keperluan dalam perkhidmatan awam.

Bagi memastikan keperluan ini dapat dicapai, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membuat perancangan secara menyeluruh agar penawaran sumber tenaga seimbang dan ini turut meliputi bidang khusus seperti guru dan jururawat. JPA juga melaksanakan program-program latihan bagi membangunkan modal insan yang kompeten untuk memenuhi keperluan strategik perkhidmatan awam.

SOALAN NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH: 26 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

(a) adakah Kerajaan akan mengkaji dan menilai semula kadar gaji minimum dengan mengambil faktor-faktor utama seperti kos sara hidup, indeks garis kemiskinan, produktiviti dan kadar pengangguran semasa; dan

(b) bilakah Kerajaan untuk menyeragamkan kadar gaji minimum di seluruh negara.

PR-1323-L64150

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah melaksanakan dasar gaji minimum bermula Januari 2013 yang mana matlamat utama dasar ini adalah untuk memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga dapat dipenuhi. Dalam hal ini, salah satu kriteria utama penetapan kadar gaji minimum adalah pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang digunakan sebagai indikator bagi

menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja. Selain itu, indeks harga pengguna (IHP) juga digunakan bagi menyelaraskan kadar gaji minimum dengan peningkatan kos sara hidup. Sehubungan itu, elemen kos sara hidup telah diambilkira dalam penetapan kadar gaji minimum yang akan dikaji semula dalam tempoh dua tahun sekali supaya selari dengan keadaan ekonomi.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berkenaan dengan penyeragaman kadar gaji minimum di seluruh negara, Kementerian Sumber Manusia sentiasa serius dalam menambahbaik pelaksanaan dasar gaji minimum. Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) pada masa sekarang sedang mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012 seperti mana yang diperuntukan di bawah Seksyen 25, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011(Akta 732) yang menetapkan supaya MPGN mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bolehlah disimpulkan disini, **penetapan gaji minimum** RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan **pada masa sekarang merupakan langkah permulaan sahaja** yang mana **keputusan ini dibuat selepas mengambilkira faktor-faktor berikut**:

(i) **gaji penengah di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkenaan adalah rendah** iaitu RM577 bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan RM738 bagi Sarawak pada tahun 2009;

(ii) **tahap kemampuan majikan** yang masih rendah kerana kebanyakan sektor perindustrian di Sabah dan Sarawak masih terlalu berintensifkan buruh dan bergaji rendah; dan

(iii) **Kesan negatif** sekiranya gaji minimum ditetapkan terlalu tinggi pada peringkat awal adalah seperti berikut:

a. kemungkinan majikan-majikan berkenaan akan menghadapi kesukaran kerana tidak mampu menanggung **peningkatan kos operasi secara mendadak**;

b. **penutupan operasi** oleh majikan kerana tidak mampu menanggung kos yang tinggi; dan

c. **pekerja bakal kehilangan pekerjaan**, sekaligus menimbulkan masalah pengangguran.

SOALAN NO: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]**
TARIKH	:	**26 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan V. Sivakumar A/L Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes Tibi di Malaysia. Apakah faktor-faktor yang menjadikan punca utama jangkitan tibi di Negara kita dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani penyakit yang bahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum bahawa beban penyakit Tibi di negara ini semakin meningkat, di mana pada tahun 1990, terdapat sejumlah 10,873 kes dilaporkan iaitu 61 kes bagi setiap 100,000 penduduk berbanding pada tahun 2013 sejumlah 24,071 kes iaitu 81 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Sehingga Ogos 2014, jumlah kes Tibi di Malaysia adalah 15,758 kes berbanding 15,584 jumlah kes bagi tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 174 kes.

Tuan Yang di Pertua,

Punca utama penularan jangkitan penyakit tibi boleh dibahagikan kepada tiga (3) faktor utama seperti berikut iaitu:

i. Kelewatan diagnosa penyakit Tibi. Masih ramai pesakit yang mempunyai tanda dan gejala penyakit tibi lewat berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan. Kenyataan ini disokong dengan kajian analisa keputusan x-ray dada bagi 14, 286 pesakit tibi kahak positif tahun 2013 mendapati sejumlah 6,045 kes (42%) x-ray dada teruk dan 820 kes (6%) x-ray dada sangat teruk.

ii. Faktor kedua adalah kegagalan pesakit tibi memakan ubatan tibi mengikut jadual dan tatacara rawatan yang ditetapkan sehingga sembuh atau sempurna rawatan (minimum 6 bulan rawatan). Analisa hasil rawatan bagi 21,582 pesakit Tibi berdaftar bagi kohort tahun 2012, didapati sejumlah 1, 152 pesakit (5.3 %) terhenti rawatan. Pesakit yang terhenti rawatan ini boleh menyebarkan penyakit Tibi kepada orang lain dan pesakit ini juga berisiko mendapat jangkitan resistan TB pada masa akan datang.

iii. Faktor ketiga adalah peningkatan prevalen kes-kes yang berisiko mendapat penyakit tibi seperti diabetes, perokok, warga emas, pendatang asing secara tidak langsung menyebabkan kes tibi di negara kita semakin meningkat. Data bagi tahun 2013 menunjukkan daripada 24,071 kes Tibi berdaftar, sejumlah 3,935 (16%) pesakit mempunyai diabetes, 8,282 (34%) pesakit adalah perokok dan 3,200 (13%) adalah pesakit berumur lebih 65 tahun dan ke atas dan 3,382 (14%) adalah kes bukan warganegara.

Tuan Yang diPertua

Kementerian amat prihatin berkaitan masalah ini dan telah melaksanakan Pelan Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan bagi tempoh 2011-2015. Tumpuan utama Kementerian adalah meningkatkan aktiviti pengesanan kes tibi aktif dengan cara menetapkan sasaran kes yang mesti dicapai oleh Pegawai Kesihatan Daerah di setiap negeri. Sehubungan itu, pegawai kesihatan di lapangan perlu melakukan program pengesanan kes tibi secara aktif bagi mengesan sebanyak mungkin kes tibi untuk tujuan rawatan awal.

Selain itu, Kementerian telah meningkatkan kapasiti diagnostik tibi di Pusat Rawatan 1 (PR1) dengan menyediakan sejumlah 109 peralatan *Fluorescent Mikrosop* yang boleh meningkatkan 10% sensitiviti diagnosis penyakit Tibi berbanding penggunaan ujian menggunakan kaedah *Ziehl Nilson Staining* yang biasa dilakukan. Usaha Kementerian bagi menyediakan peralatan berteknologi tinggi bagi diagnosis penyakit tibi akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di Pertua,

Bolehlah dirumuskan bahawa diagnosa awal, rawatan awal serta mengambil ubatan anti Tibi sehingga disahkan sembuh adalah kombinasi strategi yang sangat penting dalam membendung penularan berterusan penyakit Tibi di Malaysia.

Soalan No : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kontrak penyediaan jalur lebar berkelajuan tinggi 1BestariNet akan dilanjutkan, dan jika ya apakah perinciannya termasuk kos, jangka masa dan kontraktor yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang menguruskan permohonan perlanjutan kontrak 1BestariNet mengikut tata cara pengurusan kontrak kerajaan. Pada ketika ini, KPM bersama-sama Unit Perancang Ekonomi JPM, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan MAMPU sedang meneliti cadangan pelanjutan pembekal dari aspek teknikal dan kos.

RJM163

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
KAWASAN	:	MASJID TANAH
TARIKH	:	26.11.2014 (RABU)
NO. SOALAN	:	42

YB. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah melaksanakan program *outreach* bagi menerangkan kepada segenap lapisan masyarakat terhadap penglibatan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan apakah manfaat yang boleh dibawa oleh perjanjian ini, khususnya dari segi akses pasaran yang boleh dijangkakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

MITI telah mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak seperti wakil-wakil Kerajaan Negeri, badan-badan bukan kerajaan, wakil industri, ahli akademik, persatuan-persatuan perniagaan, golongan pelajar-pelajar dan institusi pengajian tinggi serta lain-lain kumpulan untuk memberi penerangan mengenai perkembangan rundingan serta isu-isu di bawah TPP. Pada tahun 2013 sahaja, MITI telah mengadakan sebanyak 56 sesi *engagement* seperti hari terbuka di mana ianya telah dihadiri oleh seramai 1,500 orang, konsultasi, forum dan dialog untuk menerangkan perkembangan rundingan di samping mendapatkan pandangan rakyat.

Pada tahun 2014, sehingga bulan Oktober, sebanyak 33 sesi engagement ataupun konsultasi telah dilaksanakan. Selain itu, pasukan perunding juga mengadakan konsultasi khusus mengenai isu-isu yang dirundingkan dengan stakeholders yang berkenaan. Sesi konsultasi akan terus dipertingkatkan dengan pelbagai kumpulan berkepentingan untuk menerangkan perkembangan rundingan serta memperjelaskan kemusykilan yang mungkin wujud.

Selain itu, Kerajaan pada Jun 2013 juga telah menubuhkan TPP Caucus Dewan Rakyat secara bipartisan yang telah banyak menyumbangkan input dan pandangan yang amat berguna kepada pasukan perunding Malaysia. Di samping TPP Caucus Dewan Rakyat, Kerajaan juga telah menubuhkan TPP Caucus Dewan Negara dimana perjumpaan pertama dan perjumpaan kedua masing-masing telah diadakan pada 15 Mei 2014 dan 9 Oktober yang lalu. TPP Caucus Dewan Negara dan Dewan rakyat telah banyak membantu Kerajaan terutamanya dalam menasihati Kerajaan dalam rundingan. Kerajaan merakamkan ribuan terima kasih ke atas maklum balas semua Ahli TPP Caucus yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Perjanjian Trans-Pacific Partnership adalah satu saluran bagi meningkatkan perdagangan antarabangsa yang merupakan enjin pertumbuhan ekonomi yang penting kepada negara. Malaysia merupakan antara negara yang menerima manfaat daripada proses liberalisasi dan fasilitasi melalui perjanjian perdagangan antaraabangsa dan keuntungan yang diperolehi antara lain, adalah:

i) akses pasaran bagi pengeksport dan pembekal perkhidmatan Malaysia dipertingkatkan melalui layanan keutamaan (preferential treatment);

ii) menyediakan sumber input dan bahan mentah bagi industri tempatan pada kos yang lebih murah dengan pengurangan atau pelupusan duti import;

iii) memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi untuk pelaburan asing (foreign direct investments – FDI);

iv) mempromosi bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal; dan

v) meningkat keupayaan dan daya saing industri Malaysia melalui persaingan yang lebih kompetitif.

Malaysia sebagai negara yang mempunyai sistem ekonomi yang terbuka amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Oleh yang demikian, adalah penting untuk Malaysia menyertai rundingan TPP supaya kita tidak ketinggalan dalam meraih faedah daripada pembukaan pasaran yang mempunyai 800 juta penduduk ini.

NO SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN R. SIVARASA**
[SUBANG]

TARIKH : **26 NOVEMBER 2014 (RABU)**

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa FELDA menahan pembayaran dividen FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang diterima dan duit raya pada tahun ini untuk ribuan peneroka-peneroka FELDA yang menyaman FELDA atas isu kadar perahan gred yang rendah dan mengugut peneroka-peneroka tersebut supaya menarik balik saman untuk mendapat duit ini.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agihan pembayaran dividen FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGV) kepada Dana Tabung Amanah Peneroka dan sumbangan Hari Raya kepada peneroka FELDA merupakan sebahagian daripada pelbagai insentif dan sumbangan yang disediakan oleh FELDA.

Pemberian sumbangan Hari Raya kepada peneroka mula diperkenalkan pada tahun 2003. Tujuan pemberian ialah sebagai penghargaan kepada peneroka atas sumbangan yang besar kepada kemajuan industri sawit dan getah negara di samping meringankan beban kewangan peneroka bagi menyambut hari raya.

Pembayaran dividen FGV pula adalah bagi pegangan saham langsung FELDA di dalam FGV sebanyak 20% iaitu atas nama Tabung Amanah Peneroka. Bayaran dividen ini akan diagihkan kepada semua peneroka mengikut kategori yang telah ditetapkan.

Terdapat dua (2) kategori peneroka yang tidak diberi kedua-dua sumbangan berkenaan iaitu:

(i) peneroka yang terlibat dalam urusniaga tanah tanpa kebenaran FELDA
(ii) peneroka yang telah memfailkan saman terhadap FELDA.

Bagi pemberian sumbangan Hari Raya, peneroka yang dikategorikan di bawah perenggan (i) telah tidak dibayar sejak tahun-tahun terdahulu. Manakala bagi kategori (ii) pula tidak dibayar mulai tahun ini. Bagi agihan dividen, penahanan pembayaran dividen sebagaimana diterima melalui Tabung Amanah Peneroka ini adalah untuk kali pertama.

Sejak awal penubuhan, FELDA mengorak langkah dan berkembang atas kesepakatan bersama semua peneroka. Kesepakatan ini diterjemahkan dalam konteks semua peneroka bersama dalam setiap program FELDA, memberi sumbangan dan seterusnya mendapat manfaat bersama dalam model FELDA. Maka rasional penahanan sumbangan ini dilihat daripada sudut untuk memberi lebih dorongan kepada peneroka berkaitan supaya turut serta dalam kelompok bersama FELDA.

FELDA tidak memaksa peneroka untuk menarik balik saman. Sekiranya terdapat peneroka yang menarik balik saman, FELDA menyediakan saluran rayuan untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Insentif bagi membolehkan peneroka mendapat kembali insentif berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah peruntukan dapat disalurkan untuk mewujudkan sistem kumbahan dan pembetungan yang moden lagi sistematik bagi jeti-jeti ikan di sepanjang Pengkalan Weld, Pulau Pinang supaya sisa-sisa buangan tidak lagi disalurkan terus ke dalam laut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedia maklum bahawa jeti-jeti di Pengkalan Weld tidak mempunyai sistem pembetungan yang menepati piawaian dan semua bentuk kumbahan disalurkan terus ke laut. Walau bagaimanapun, sistem pembetungan yang sesuai dan kos efektif bagi kawasan tapak warisan UNESCO ini sedang dikaji dengan mendalam. Kementerian amat mengalu-alukan Ahli Yang Berhormat dan Kerajaan Negeri untuk mengemukakan cadangan bagi tujuan tersebut untuk pertimbangan Kerajaan Pusat pada masa akan datang.

****

NO SOALAN :45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**26.11.2014**

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan tindakan KTM memecat pekerja-pekerjanya yang merupakan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja syarikat itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek tadbir urus Kementerian Kewangan selaku pemegang saham tidak boleh campur

tangan dalam kemelut pemecatan beberapa kakitangan Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) kerana ini lebih menjurus kepada isu dalaman syarikat dan ia wajar diselesaikan diperingkat pengurusan KTMB dengan dibantu oleh Lembaga Pengarah KTMB.

Soalan No : 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan faktor berlakunya ketidak seimbangan gender dalam pengambilan pelajar universiti sesi 2014/2015 memandangkan 70% daripadanya adalah perempuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Sesi Akademik 2014/2015, sejumlah 74,071 orang calon pelajar Lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi telah mengemukakan permohonan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Daripada jumlah tersebut, seramai 22,856 (30.9%) orang calon pelajar merupakan pemohon lelaki dan 51,215 (69.1%) orang calon pelajar merupakan calon pelajar perempuan. Daripada sejumlah 74,071 permohonan yang diterima, seramai 67,388 orang calon sahaja yang layak, iaitu melepasi syarat am universiti serta syarat khas program pengajian, dengan pecahan 20,449 (30.4%) orang calon lelaki dan 46,939 (69.6%) orang calon perempuan. Sejumlah 37,467 orang calon pula telah ditawarkan tempat ke IPTA yang terdiri daripada 11,437 (30.5%) orang calon lelaki dan 26,030 (69.5%) orang calon perempuan.

Penyelarasan nisbah kemasukan pelajar lelaki kepada pelajar perempuan ke IPTA kepada 50:50 adalah sukar untuk dilaksanakan, memandangkan bilangan permohonan yang diterima daripada kalangan pelajar lelaki setiap tahun adalah lebih rendah berbanding pelajar perempuan. Bilangan ini akan semakin menurun setelah pemprosesan syarat am universiti dan syarat khas program pengajian dilaksanakan dan mengambil kira bilangan tempat yang disediakan di IPTA.

Pengurusan pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dilaksanakan secara sistematik dan telus, adil dan profesional berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum untuk menentukan nilai merit seseorang calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, bangsa, jantina, keturunan, negeri taraf sosioekonomi dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Dasar meritokrasi yang diguna pakai sekarang adalah relevan kerana ia menilai pelajar berdasarkan pencapaian akademik dan ko-kurikulum tanpa mewujudkan elemen diskriminasi jantina dalam kalangan pelajar. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan akan melihat isu ni secara menyeluruh dan akan menilai keperluan untuk mewujudkan inisiatif dalam menyeimbangkan jurang perbezaan nisbah kemasukan pelajar lelaki kepada pelajar perempuan.

NO. SOALAN : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014

SOALAN :

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Parlimen bagi meneliti proses persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan Penjalanan Pilihan Raya, Pendaftaran Pemilih dan Persempadanan Semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahgian-bahagian Pilihan Raya, SPR tertakluk kepada Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan yang mana sebarang cadangan persempadanan semula atau pertambahan kawasan pilihan raya perlu mendapat persetujuan Parlimen selepas ia dibahas. Kerajaan berpandangan bahawa SPR mampu dan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan dengan baik dan sempurna. Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat pada masa ini belum perlu dan sesuai untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Parlimen bagi meneliti proses persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah punca utama penurunan harga komoditi kelapa sawit. Apakah tindakan atau langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk membantu peladang-peladang kelapa sawit memandangkan harga kelapa sawit yang begitu rendah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga komoditi sawit seperti produk-produk komoditi lain bergantung kepada permintaan dunia, terutamanya di negara-negara pengimport utama seperti China, India dan Kesatuan Eropah. Negara-negara pengimport utama ini telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan sejak tahun 2013 dan ini secara langsung telah memberi kesan kepada harga minyak sawit.

Selain itu, pada tahun 2014 juga, penghasilan lain-lain minyak sayuran yang merupakan pesaing kepada minyak sawit seperti minyak kacang soya juga telah meningkat. Ini telah menyebabkan harga minyak kacang soya menurun dan secara tidak langsung memberi kesan negatif kepada harga minyak sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memandang serius impak penurunan harga minyak sawit kepada pengusaha tanaman sawit, terutamanya terhadap pendapatan para pekebun kecil. Dalam hal ini, Kementerian telahpun melaksanakan beberapa langkah ke arah meningkatkan eksport minyak sawit, di samping menyediakan insentif bagi mengurangkan beban kepada pengusaha tanaman sawit. Ini termasuk:

i. Mengecualikan duti eksport semasa sebanyak 4.5% ke atas minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil* – CPO) bermula 1 September sehingga 31 Disember 2014. Langkah ini bertujuan merangsang eksport CPO dan mengurangkan stok yang seterusnya akan memberi kesan postif kepada harga CPO tempatan;

ii. Meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara melalui pelaksanaan Program B7, iaitu adunan 7% bio bahan api sawit dengan 93% diesel petroleum bagi sektor bersubsidi (stesyen-stesyen pam minyak dan sektor perikanan). Program ini telah dilaksanakan mulai bulan November 2014 di Semenanjung dan akan diperluaskan secara berfasa ke Sabah dan Sarawak mulai bulan Disember 2014. Melalui pelaksanaan program ini, penggunaan minyak sawit dalam negara dijangka meningkat sebanyak 575,000 tan setahun;

iii. Menyediakan insentif pada kadar RM1,000 sehektar untuk menggalakkan pemilik ladang dan pekebun kecil menebang pokok-pokok sawit yang berusia melebihi 25 tahun dan tidak produktif. Langkah ini bertujuan mengurangkan bekalan CPO dalam dalam negara dan seterusnya memperkukuhkan harga CPO tempatan;

iv. Menyediakan bantuan Skim Tanam Semula Pekebun Kecil (TSSPK) kepada pekebun kecil yang mempunyai keluasan ladang sawit kurang daripada 40.46 hektar pada kadar RM7,500 sehektar di Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak. Bantuan ini adalah bagi

membiayai kos penebangan, penyediaan tanah, bahan tanaman dan input pertanian;

v. Menyediakan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) sebanyak RM500 sebulan selama dua tahun kepada pekebun kecil yang diberi bantuan di bawah skim TSSPK dan memenuhi syarat yang ditetapkan, iaitu pekebun kecil sepenuh masa dan mempunyai agregat pemilikan tanah 2.5 hektar atau kurang; dan

vi. Menggalakkan pekebun kecil sawit untuk melaksanakan integrasi ternakan dan tanaman di ladang-ladang mereka sebagai sumber pendapatan sampingan. Langkah ini akan mengurangkan kebergantungan pendapatan terhadap mana-mana satu tanaman komoditi serta mengoptimumkan penggunaan tanah.

Kementerian akan terus berusaha mengenalpasti dan melaksanakan langkah-langkah jangka panjang ke arah memperkukuhkan harga minyak sawit. Ini termasuk mempromosi eksport produk-produk sawit di pasaran-pasaran sedia ada dan baharu di luar negara, dan meningkatkan penyelidikan bagi menghasilkan produk-produk baharu berasaskan sawit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR - BN]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 49)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

(a) prestasi atlet-atlet kebangsaan yang mewakili negara pada Sukan Komanwel 2014; dan

(b) apakah perancangan Kementerian bagi terus mempertingkatkan prestasi atlet-atlet negara pada masa hadapan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kontinjen negara yang telah menyertai temasya Sukan Komanwel Glasgow 2014 yang lalu adalah seramai 269 orang. Mereka terdiri daripada :

   i. 179 atlet (104 lelaki; 75 wanita)
   ii. 72 pegawai pasukan (58 lelaki; 14 wanita)
   iii. 9 pegawai perubatan dan sains sukan (6 lelaki; 3 wanita)
   iv. 9 pegawai sekretariat (7 lelaki; 2 wanita).

2. Sukan Komanwel Glasgow 2014 mempertandingkan sebanyak 261 acara yang menawarkan 261 pingat emas keseluruhannya. Kontinjen negara telah mensasarkan sebanyak **7 pingat emas** daripada 130 acara yang disertai. Secara keseluruhannya kontinjen negara telah memenangi **6** pingat emas, **7** pingat perak dan **6** pingat gangsa.

3. Pencapaian sasaran sukan-sukan terlibat adalah seperti berikut:

   i. Angkat Berat

   Mencapai sasaran 1 emas melalui Mohd Hafifi Mansor (69kg).

   ii. Badminton

   Mencapai sasaran 3 emas melalui acara Berpasukan Campuran, Tan Wee Kiong dan Goh Wei Shem (Bergu

Lelaki) serta Vivian Hoo Kah Mun dan Woon Keh Wei (bergu wanita).

iii. **Skuasy**

Mencapai sasaran 1 emas melalui Dato' Nicol David (perseorangan wanita).

iv. **Terjun**

Mencapai sasaran 1 emas melalui Ooi Tze Liang (3m Springboard.

v. **Berbasikal Trek**

Gagal mencapai sasaran 1 emas apabila Azizul Hasni Awang (Keirin) hanya memenangi pingat gangsa.

vi. **Lawn Bowls**

Gagal mencapai sasaran 1 emas apabila 'Men Pairs' dan 'Women Fours' hanya memenangi 2 pingat perak.

4. Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk menghantar Kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel Glassgow 2014 adalah berjumlah **RM1,956,650.00**. Perbelanjaan tersebut meliputi perkara-perkara berikut :-

i.	Tambang Kapal Terbang	- RM1,640,900.00
ii.	Blazer Suit	- RM 201,750.00
iii.	Baju Melayu untuk Perbarisan	- RM 54,000.00
iv.	Lebihan bagasi	- RM 60,000.00

Manakala pakaian 'Track-suit' dan 'T-shirt' Harimau jenama Yonex ditaja oleh Sunrise & Co. (Pte) Ltd dan kasut sukan jenama Power ditaja oleh BATA (M) Sdn Bhd.

5. Mesyuarat Penilaian Prestasi (Post Mortem) telah diadakan pada 12 Ogos 2014 (Selasa) di Dewan Komanwel, Majlis Sukan Negara dan dipengerusikan sendiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Dalam mesyuarat tersebut, YB Menteri telah mengambil maklum tentang pelaporan dan pandangan yang diberikan oleh wakil-wakil daripada Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia dan empatbelas (14) Persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat ke Sukan Komanwel Glasgow 2014.

6. Kesemua persatuan sukan kebangsaan terbabit diwajibkan untuk menyediakan laporan pelaksanaan Program Elit 2011-2014 termasuk laporan oleh Chef de Mission dan Pemimpin Pasukan (Team Leader) dalam tempoh 7 hari untuk dihantar ke pejabat YB Menteri. Cadangan dari Mesyuarat 'Post Mortem' sedang dinilai untuk dilaksanakan pada temasya akan datang.

7. Bagi mempertingkatkan prestasi atlet, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa mewujudkan program jangka panjang di **peringkat atlet elit** dan **atlet pelapis** dengan mengadakan program latihan berpandukan **Pelan Periodisasi Latihan** yang dirangka secara bersama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan jurulatih-jurulatih setiap tahun. Program ini merangkumi aspek-aspek latihan pendedahan luar negara dan program tindik (*attachment*), pertandingan dalam dan luar negara, kem-kem tahunan dan latihan pusat mengikut sukan, kem motivasi, latihan pusat akhir dan juga penerapan komponen latihan

sains dan perubatan sukan. Kementerian turut menyediakan insentif-insentif seperti elaun latihan, biasiswa sukan, program pendidikan dan skim hadiah kemenangan bagi memberi galakan kepada atlet-atlet ini yang menjadikan sukan sebagai satu kerjaya untuk mencapai kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.